

LATIHAN PENGURUSAN PROJEK
SUB TOPIK : 2.1.4 MERANGKA PERANCANGAN PROJEK

1. Terdapat tiga tujuan perancangan projek. Tuliskan BETUL bagi pernyataan yang betul dan SALAH bagi pernyataan yang salah.

- a) Pastikan objektif tercapai
- b) Pembaziran sumber
- c) Mencegah gangguan

(3 markah)

2. Susun mengikut urutan yang betul langkah pengurusan pelaksanaan projek dengan menulis 1, 2 dan 3 pada petak yang disediakan.

- a) Perancangan
- b) Pengawalan
- c) Penjadualan

(3 markah)

3. Terdapat empat tugas utama Pengurus Projek (Eksekutif). Padankan tugas utama tersebut dengan pernyataan yang sesuai.

Pengelolaan aktiviti	Penentuan subutama	Penentuan utama	Matris organisasi atau pasukan
a) Membentuk pasukan untuk menjalankan sesuatu tugas khas			
b) Penetapan tujuan projek dan objektif yang hendak dicapai			
c) Membincangkan sumber kewangan, keperluan tenaga kerja			
d) Aktiviti pembuatan atau pembangunan produk atau perkhidmatan			

(4 markah)

4. Penjadualan dilaksanakan untuk menunjukkan anggaran jangka masa yang ditetapkan bagi menyiapkan projek. Tandakan BETUL bagi pernyataan tujuan penjadualan yang betul dan SALAH bagi pernyataan yang salah.

- a) Mengelakkan pemborosan
- b) Mengawal sumber kewangan pekerja
- c) Menggalakkan kerugian masa dan kos
- d) Mengurus bahan mentah secara sistematik

(4 markah)

5. Senaraikan dua cara penjadualan:

a) _____

b) _____

(2 markah)

6. Terdapat empat perkara di dalam peringkat pengawalan iaitu pengawalan sumber, pengawalan kos, pengawalan kualiti dan pengawalan belanjawan.

Berikut ialah tujuan pengawalan. Tandakan BETUL pada pernyataan yang betul dan SALAH pada pernyataan yang salah.

a) Sumber-sumber yang diperluka dikenal pasti

☐

b) Semua aktiviti disiapkan melebihi masa yang ditetapkan

☐

c) Semua aktiviti yang dikenal pasti dilakukan secara sambil lewa

☐

d) Perubahan dalam penjadualan dibuat apabila terdapat pembaharuan terhadap projek

☐

(4 markah)